

NO. SOALAN: 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[BATU KAWAN]**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2017**

**RUJUKAN : 10270**

**SOALAN :**

**Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan peruntukan kewangan bagi CCTV serta statistik terperinci bagi lokasi lokap, penjara serta tahanan imigresen yang dipasang dengan CCTV ini dan bilangan yang berfungsi dan tidak berfungsi dan apakah usaha Kerajaan untuk menjadikan semua lokap sebagai "smart lokap" di Malaysia.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sebanyak 4,900 unit kamera telah dipasang di 414 buah lokap daripada 730 buah lokap polis di seluruh negara telah dilengkapi dengan Kamera Litar Tertutup (CCTV) merangkumi kamera, alat perakam, monitor dan *Uninterruptible Power Supply (UPS)*. Baki 316 buah lokap polis yang tidak dilengkapi dengan CCTV merupakan lokap tidak aktif dan tidak digunakan. Kos anggaran bagi membaikpulih, pasang baharu dan sewaan CCTV bagi lokap-lokap aktif adalah sebanyak RM6.3juta. Kos ini tidak termasuk kos pembaikan kecil dan kontrak penyelenggaraan yang dibelanjakan oleh kontinjen-kontinjen melalui Anggaran Belanjawan Mengurus masing-masing.

PDRM telah bekerjasama dengan MIMOS Berhad dalam melaksanakan Projek *SMART Lock Up (Self Monitoring Analytics Reporting Technology)* bercirikan video analitik yang berkeupayaan memberi amaran awal kepada pengawal lokap untuk membendung cubaan bunuh diri, OKT bersikap agresif dan pergaduhan di dalam lokap. Lokap Berpusat Jinjang, Daerah Sentul, Kuala Lumpur merupakan perintis kepada Projek *SMART Lock Up*. Sehubungan itu, sistem CCTV tersebut telah dipasang di 57 buah lokap aktif seperti berikut:

- (a) Selangor - 21;
- (b) Melaka - 1;
- (c) Negeri Sembilan - 2;

- (d) Kelantan - 4;
- (e) Pahang - 11;
- (f) Johor - 13; dan
- (g) Perak - 5.

CCTV tersebut direkabentuk dan ditambah nilai untuk menjaga *privasi* OKT melalui teknik *masking* seperti semasa penggunaan tandas. PDRM komited untuk memperluaskan sistem CCTV ini kepada semua lokap PDRM bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan.